

## Perbandingan Inventori Vokal Dialek Kelantan dan Negeri Sembilan

### The Comparison of Kelantan and Negeri Sembilan Dialect Vowel Inventory

NURLIAYANA ZAINAL ABIDIN & ADI YASRAN ABDUL AZIZ

#### ABSTRAK

*Kajian ini memfokuskan perbandingan inventori vokal antara dialek Kelantan dan Negeri Sembilan. Kajian sebelum ini lebih menumpukan kepada kajian salah satu dialek sahaja tanpa membuat perbandingan. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk menjelaskan persamaan dan perbezaan inventori kedua-dua dialek yang dikaji yang dilihat dari segi fitur distingtif dan penyebaran kedudukan vokal-vokal tersebut. Teori yang diaplikasikan dalam kajian ini ialah teori fonologi generatif. Pengumpulan data dilakukan dengan menggunakan kaedah pemerhatian deskriptif dan kajian kepustakaan bagi mengenal pasti sistem bunyi vokal bagi kedua-dua dialek. Dapatkan kajian mendapat bahawa pendapat tentang inventori vokal bagi dialek Kelantan adalah sama dengan Negeri Sembilan sama ada daripada pengkaji fonologi dan juga pengkaji fonologi generatif. Dialek Kelantan mempunyai enam vokal iaitu /i/, /e/, /ə/, /o/, /u/ dan /a/. Namun, terdapatnya percanggahan pendapat tentang jumlah vokal dialek Negeri Sembilan. Pengkaji fonologi berpendapat hanya ada lima vokal dalam dialek itu iaitu vokal /ə/ tidak wujud dalam dialek Negeri Sembilan manakala ahli fonologi generatif berpendapat vokal /ə/ masih wujud dalam bentuk dalaman dalam perkataan dialek Negeri Sembilan.*

*Kata kunci:* Fonologi; perbandingan; inventori vocal; dialek Kelantan; dialek Negeri Sembilan

#### ABSTRACT

*The study focused on a comparison between the vowel inventory of Kelantan and Negeri Sembilan dialect. Previous research has focused on study of only one dialect without making comparison. Therefore, this study was conducted to clarify the similarities and differences of the two dialects inventory surveyed viewed in terms of distinctive features and the spread of the vowels. The theory is applied in this study was the theory of generative phonology. Data collection was performed by using descriptive observations and literature review to identify the vowel systems of both dialects. It found that both phonology pioneer and generative phonology pioneer agree that Kelantan has six vowels, i/, /e/, /ə/, /o/, /u/ and /a/. However, there is disagreement on the amount of vowels for Negeri Sembilan dialect. Phonology pioneer said that there are only five vowels in that dialect because /ə/ do not exist in Negeri Sembilan dialect while generative phonology pioneer agreed that /ə/ vowel still exist in the underlying representation of the word.*

*Keywords:* Phonology; comparison; vowel inventory; Kelantan dialect; Negeri Sembilan dialect

#### PENGENALAN

Inventori vokal merujuk kepada senarai vokal yang bersifat dalaman yang wujud dalam sesuatu bahasa. Maksud inventori vokal ini boleh dijelaskan sebagai aspek serta sifat dalaman yang diterbitkan daripada setiap fonem vokal yang wujud dalam bahasa. Antara aspek dalaman yang diterbitkan fonem ini ialah berdasarkan fitur distingtifnya serta penyebaran fonem-fonem tersebut. Fonem-fonem berbeza antara satu sama lain berdasar fitur distingtifnya, iaitu unit terkecil nahu yang membezakan makna. Jelas dapat dilihat bagi fonem vokal /e/ dan /ə/ adalah berbeza walaupun kedua-duanya berada dalam titik artikulasi dan daerah sebutan yang sama. Contohnya, dua perkataan /semak/ dan /səmak/

yang mempunyai makna berbeza walaupun hanya dibezakan oleh unit terkecil nahu fitur distingtif bagi fonem /e/ dan /ə/. Manakala aspek dalaman fonem yang dilihat dari segi penyebaran pula bermaksud sama ada fonem-fonem itu boleh menduduki posisi nukleus suku kata pada awal kata, akhir kata (suku kata akhir terbuka), suku kata awal (selepas onset), dan suku kata akhir tertutup. Kajian ini memfokuskan perbandingan inventori vokal bagi dialek Kelantan (DK) dan Negeri Sembilan (DNS).

Kajian lalu mendapat bahawa pengkaji yang mengkaji fonologi menggunakan pendekatan struktural seperti Hashim Musa (1974) dan Nik Safiah (1988) mengatakan bahawa terdapat enam fonem vokal bagi dialek Kelantan (DK). Objektif kajian Nik Safiah (1988) ialah menentukan vokal-

vokal dalam dialek Kelantan (DK) dan meninjau pemakaian dan penyebarannya manakala Hasim Musa (1974) juga mengkaji morfemik dialek Melayu Kelantan. Kedua-dua kajian pengkaji struktural ini menggunakan kaedah kajian kepustakaan. Seterusnya, pengkaji fonologi seperti Ajid Che Kob (1977), Teoh (1994) dan Adi Yasran (2005) turut bersetuju dengan pengkaji struktural bahasa yang mana sememangnya terdapat enam fonem vokal dalam dialek Kelantan (DK). Ajid Che Kob (1977) memfokuskan kepada penyebaran dan kesejajaran vokal dalam dialek Kelantan (DK) dari aspek fonologi dan leksikal manakala kajian Adi Yasran (2005) pula bertujuan menilai dan memperbaiki semula aspek-aspek fonologi dialek Kelantan (DK) yang masih belum mendapat penjelasan yang sewajarnya dalam kajian lalu dengan cara menghuraikan dan memperjelaskannya secara lebih berpada dengan menggunakan kerangka Teori Optimaliti. Kesemua kajian sarjana yang berikut ada memaparkan inventori vokal dialek Kelantan (DK) serta contoh-contoh vokal yang tersebar dalam perkataan dialek Kelantan (DK).

Namun begitu, Sharman Abu (1973), Pilus Yunus (1978), Yeop Johari Yaacob (1984), Arbak Othman (1994), Mohd Faiz Burhanuddin (1998) dan Ajid Che Kob (2002) yang menggunakan pendekatan struktural ada mengkaji dialek Negeri Sembilan (DNS). Mereka mendapat bahawa hanya terdapat lima fonem vokal dalam dialek Negeri Sembilan (DNS) yang mana fonem /ə/ tidak terdapat dalam dialek Negeri Sembilan (DNS). Pada pendapat Nik Safiah Karim (1988), jika dibandingkan dengan vokal lain, vokal tengah /ə/ ini mempunyai kenyaringan dan seterusnya kelantangan yang rendah. Oleh itu, dalam pertuturan kadang-kadang vokal ini sukar didengar dan di dalam pertuturan yang cepat, ia mungkin hilang langsung kerana vokal ini bersifat lemah. Menurut kebanyakan pengkaji struktural, penggunaan vokal tengah /ə/ dianggap tidak digunakan dalam dialek Negeri Sembilan (DNS) kerana /ə/ biasanya digantikan dengan vokal belakang separuh luas /ɔ/. Setakat ini, masih belum dijumpai kajian yang mengkaji inventori vokal dialek Negeri Sembilan (DNS) dari aspek fonologi sepenuhnya. Kajian ini akan mengisi lompong kosong kajian berkaitan dialek Negeri Sembilan (DNS) yang terdahulu.

Objektif kajian ini ialah untuk mengenal pasti inventori vokal yang terdapat dalam dialek Kelantan (DK) dan Negeri Sembilan (DNS). Permasalahan bagi objektif kajian ini ialah untuk menentukan

inventori vokal untuk kedua-dua dialek. Ini kerana terdapat perbezaan pendapat dalam kalangan pengkaji sebelum ini tentang kedua-dua inventori konsonan dan vokal DK sama ada dari segi jumlah, status atau fiturnya. Dari segi jumlah inventori konsonan, Nik Safiah (1985: 122) berpendapat ada 19 fonem, manakala Hashim (1974), Ajid (1985) dan Abdul Hamid (1994) berpendapat ada 20 fonem. Dari segi fiturnya pula, bergantung kepada cara dan daerah sebutan serta perilaku fonologinya. Misalnya, Hashim (1974) dan Abdul Hamid (1994) beranggapan bahawa vokal yang tujuh mempunyai fitur nasal juga adalah fonem, manakala Nik Safiah (1965) dan Ajid (1985) tidak. Setakat ini, banyak kajian DNS ditumpukan pada bidang struktural dan kajian mengenai inventori dialek DNS dari aspek fonologi masih belum ditemui. Oleh itu, kajian ini akan mengisi lompong kosong tersebut.

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan teknik kerangka teoretis yang mana penganalisisan datanya berdasarkan teori fonologi generatif atau dikenali juga sebagai teori linear. Selain itu, kajian ini juga menggunakan kaedah kepustakaan, tinjauan deskriptif, temu bual dan juga rakaman manakala bahan kajian untuk kajian ini pula ialah senarai kata daripada data sekunder. Temu bual dan rakaman pula dilakukan bersama 20 responden iaitu 10 responden daripada penutur natif DK dan 10 lagi daripada penutur natif DNS.

## KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Secara keseluruhannya, kajian ini mendapat bahawa pendapat inventori vokal bagi dialek Kelantan (DK) adalah sama daripada pengkaji struktural dan juga pengkaji fonologi iaitu mempunyai enam vokal yang terdiri daripada /i/, /e/, /ə/, /o/, /u/ dan /a/. Namun, terdapatnya percanggahan pendapat tentang jumlah vokal dialek Negeri Sembilan (DNS). Pengkaji struktural berpendapat hanya ada lima vokal dalam dialek itu iaitu vokal /ə/ tidak wujud dalam dialek Negeri Sembilan (DNS) manakala kajian dari aspek fonologi ini berpendapat vokal /ə/ masih wujud dalam bentuk dalaman dalam perkataan dialek Negeri Sembilan (DNS).

## INVENTORI SEGMENT VOKAL DK DAN DNS

Menurut Adi Yasran (2005), berdasarkan ciri fonologi, inventori vokal lazimnya disusun berdasarkan posisi lidah di dalam rongga oral, iaitu tinggi, tengah (di antara tinggi dan rendah), rendah, secara melintang, manakala depan, tengah (di antara depan dan belakang), dan belakang, disusun secara menegak seperti yang ditunjukkan di bawah. Menurut beberapa orang pengkaji struktural fonem vokal dialek Kelantan (DK) terdiri daripada enam iaitu /i/, /e/, /ə/, /o/, /u/ dan /a/ manakala dialek Negeri Sembilan (DNS) pula hanya terdiri daripada lima fonem vokal yang menggugurkan fonem /ə/ dalam inventori vokal seperti carta (1) dan (2) yang berikut:

(1) Inventori vokal DK (struktural)		(2) Inventori vokal DNS (struktural)	
i	u	i	u
e	ə	o	e
a		a	o

Berdasarkan carta di atas, menurut pendapat pengkaji struktural, terdapat enam fonem vokal dalam dialek Kelantan (DK), sama seperti jumlah yang diberikan oleh Teoh (1994) dan Adi Yasran (2005). Dibandingkan dengan DNS, hanya lima fonem vokal yang wujud dalam dialek tersebut kerana kebanyakannya pengkaji struktural seperti Sharman Abu (1973), Pilus Yunus (1978), Yeop Johari Yaacob (1984), Arbak Othman (1994), Mohd Faiz Burhanuddin (1998) dan Ajid Che Kob (2002) berpendapat fonem /ə/ tidak terdapat dalam DNS.

Menurut Adi Yasran (2005), susunannya berbeza dengan susunan inventori vokal yang berdasarkan ciri fonetik, khususnya IPA yang banyak digunakan oleh pengkaji struktural. Susunan melintang mengikut IPA adalah berdasarkan ruang antara artikulator (lidah) dengan titik artikulasi, iaitu sempit, separuh sempit, separuh luas, dan luas yang tidak digunakan sebagai fitur distingtif dalam analisis fonologi. Fitur-fitur tinggi, rendah, belakang yang dianggap sebagai fitur asas dalam teori FG oleh Chomsky dan Halle (1968) boleh dilihat secara jelas dalam carta (1) dan (2), tetapi terdapat dua lagi fitur yang turut memainkan peranan penting dalam analisis fonologi tidak ditunjukkan dalam carta tersebut, iaitu fitur bundar dan *advanced*

*tongue root* [ATR] atau pangkal lidah ke depan (4). Kesimpulannya, dalam fonologi, kedua-dua dialek DK dan DNS mempunyai inventori vokal yang sama iaitu seperti berikut :

### (3) Inventori vokal DK dan DNS (fonologi)

i	u	
e	ə	o
a		

## FITUR DISTINGTIF BAGI SEGMENT VOKAL DK DAN DNS

Enam fitur vokal DK dan DNS adalah sama dari aspek fonologi iaitu /i/, /e/, /ə/, /o/, /u/ dan /a/. Begitu juga dengan segment vokal terbitan DK dan DNS iaitu /ɔ/ dan /ɛ/. Segment vokal kedua-dua dialek tersebut dapat direpresentasikan dalam jadual matriks fitur seperti yang berikut:

### (4) Matriks fitur vokal DK dan DNS

Fitur	i	u	e	ə	o	a	ɔ	ɛ
[tinggi]	+	+	-	-	-	-	-	-
[rendah]	-	-	-	-	-	+	+	+
[belakang]	-	+	-	-	+	-	+	-
[bundar]	-	+	-	-	+	-	+	-
[ATR]	+	+	+	+	+	-	-	-
Kendur				✓		✓	✓	✓
Tegang	✓	✓	✓		✓			

Jadual (4) di atas menunjukkan fitur-fitur asas vokal DK, iaitu tinggi, rendah, dan belakang adalah seperti mana yang ditunjukkan dalam carta (3). Fitur bundar pula dinilai berdasarkan kedudukan dua bibir. Jika dua bibir dibundarkan maka fiturnya [+bundar], jika dua bibir dihamparkan maka fiturnya ialah [-bundar]. Manakala bagi fitur [-] pula, apabila pangkal lidah dikedepankan maka fiturnya adalah [+ATR], jika pangkal lidah dikebelakangkan maka fiturnya adalah [-ATR]. Fitur [±ATR] ini penting bagi membezakan vokal tengah-tinggi /e/ dan /o/ yang mempunyai fitur [+ATR] dengan vokal tengah-rendah [ɛ] dan [ɔ] yang mempunyai fitur [-ATR] (Roca & Johnson 1999: 148). Fonem vokal tengah /ə/ dan /a/ secara fonologinya boleh jadi [+ATR] atau

[−ATR] bergantung kepada bahasa tersebut (Spencer 1996: 121; Howe 2003).

Berdasarkan perilaku fonologi dalam DK, /ə/ berfitur [+ATR], manakala /a/ berfitur [−ATR]. Ciri kendur atau *lax* dan tegang atau *tense* juga dimasukkan dalam jadual di atas kerana ia akan digunakan dalam kajian ini. Ia ditandakan (✓) bagi menunjukkan bahawa ia adalah fitur distingtif unari. Bagaimanapun dalam jadual (4) tidak terdapat fitur tengah dan depan kerana ia tidak diperlukan dalam analisis fonologi. Ia boleh digambarkan dengan cara memberikan nilai positif [+] dan negatif [−] pada fitur-fitur asas yang disebutkan tadi. Misalnya, untuk menjelaskan fitur depan, maka fitur [−belakang] digunakan, di samping fitur-fitur yang lain. Jika dibandingkan kesemua fonem di atas tidak ada satu pun fonem yang mempunyai fitur yang sama. Ini menjelaskan mengapa fitur-fitur lain tidak diperlukan lagi. Ia juga menjawab persoalan mengapa susunan carta inventori fonem disusun dalam tiga barisan melintang sahaja (3), bukannya empat seperti dalam IPA dan kebanyakan ahli tatabahasa struktural. Jika disusun secara fonetik dalam empat barisan, maka dua barisan di tengah akan mempunyai fitur [−tinggi] dan [−rendah] yang sama, dan sukar untuk dibezakan secara fonologi antara satu sama lain. Hal ini akan menyebabkan kekeliruan dalam kalangan pembaca, dan menyalahi disiplin ilmu fonologi (Adi Yasran 2005).

### VOKAL TERBITAN DK DAN DNS

Selain fonem dalam (3) untuk DK dan DNS, terdapat dua segmen vokal DK dan DNS yang tidak berstatus fonem, iaitu [ɛ] dan juga [ɔ]. Ia dianggap sebagai segmen vokal terbitan yang direalisasikan daripada fonem vokal /e/ dan /o/. Ini bermakna penyebaran fonem itu adalah terhad dan kehadirannya dalam kata mudah diramal.

Menurut Adi Yasran (2005), dalam DK hanya terdapat dua vokal terbitan, iaitu [ɛ, ɔ]. Bagaimanapun Teoh (1994) menambah dua lagi vokal terbitan untuk DK, iaitu [i, u]. Bagi DNS pula, dalam kajian ini pengkaji mendapati DNS juga mempunyai dua vokal terbitan sama seperti DK. Segmen vokal terbitan [ɛ] dan [ɔ] dibincangkan bersama memandangkan kedua-duanya mempunyai banyak persamaan dari segi fitur, iaitu [−tinggi], [−rendah], [−ATR], dan [kendur].

### VOKAL TERBITAN [E] DAN [ɔ]

Kebanyakan pengkaji struktural DK memasukkan segmen vokal [ɛ] dan [ɔ] dalam inventori fonem vokal DK. Dalam hal ini, pengkaji bersepakat dengan Teoh (1994) dan Adi Yasran (2005) yang menganggap kedua-dua vokal tersebut adalah vokal terbitan dan bukan berstatus fonem dalam DK. Menurut Adi Yasran (2005) pendapat ini adalah berdasarkan beberapa generalisasi. Pertama fonem vokal dialek-dialek Melayu hendaklah sama dengan fonem vokal BM, kerana wujudnya saling memahami antara penutur dialek-dialek tersebut adalah disebabkan bentuk fonetik yang dihasilkan adalah direalisasikan daripada bentuk fonemik yang sama. Setakat ini, pengkaji bahasa sepakat mengatakan bahawa fonem bahasa Melayu (BM) hanya ada enam sahaja, iaitu /i/, /e/, /ə/, /a/, /o/ dan /u/. Ini termasuklah hasil kajian diakronik Asmah (1985, 1995) yang beranggapan bahawa fonem bagi bahasa dan dialek-dialek Melayu adalah berasal daripada BM induk yang sama yang hanya mempunyai enam fonem vokal seperti di atas.

Kedua, kehadiran segmen vokal [ɛ] dan [ɔ] dalam kata adalah mudah diramal. Mengikut data yang terdapat dalam DK tiga kemungkinan kehadiran [ɛ] dan [ɔ], iaitu [ɛ] yang direalisasikan daripada /e/ (misalnya, /gelek/ → [ge.ɛk]), /ai/ dan /ia/ di tengah kata (misalnya, /haiyan/ → [hɛ.yɛn], /biasa/ → [bɛ.sə]). Manakala segmen vokal [ɔ] pula direalisasikan daripada /o/ (misalnya, /botol/ → [bɔ.tɔl]) atau /au/ dan /ua/ di tengah kata (misalnya, /taubat/ → [tɔ.ba?t]) (Adi Yasran 2005).

Bagaimanapun Teoh (1994) mengemukakan pandangan yang berbeza daripada pengkaji-pengkaji sebelumnya dengan mengatakan bahawa vokal /i, u/ pada suku kata akhir tertutup direalisasikan sebagai vokal kendur (*laxing vowel*) [i, u] bukannya vokal tegang [e, o] seperti dalam data di bawah. Teoh (1994) juga beranggapan bahawa kadang-kadang /i, u/ pada suku kata akhir tertutup diinterpretasikan sebagai vokal [e, o] dengan cara perendahan (*lowering*) vokal yang boleh dianggap sebagai kekecualian.

(5) Perealisasian segmen vokal [i, u] (Teoh 1994)

/bisik/	*[bisɪ?]
/lukis/	*[lukih]
/hidup/	*[hidu?]
/tutup/	*[tuto?]

Berdasarkan data yang dikemukakan oleh kebanyakan pengkaji DK dan pengamatan penulis sendiri, transkripsi fonetik yang betul bagi data di atas ialah [bi.si?], [lu.kih], [hi.do?], dan [tu.to?]. Setakat yang diketahui, belum terdapat mana-mana pengkaji DK yang menggunakan kedua-dua segmen vokal ini dalam data mereka. Selain itu, menurut pengamatan pengkaji sendiri, kedua-dua bunyi vokal ini tidak dituturkan oleh penutur asli DK. Dalam hal ini, data yang digunakan oleh Teoh (1994) di atas agak meragukan dan mungkin bersifat idiolek.

Teoh juga menamakan bahasa Okpe, salah satu bahasa Benue-Congo yang dituturkan di Nigeria, sebagai contoh berlakunya pengenduran vokal seperti ini. Hoffman 1973 (dalam Casali 1996) beranggapan bahawa dalam bahasa Okpe, segmen vokal [i,u] hanya wujud dari segi fonologinya, tetapi masih [e, o] dari segi fonetiknya. Ini disebabkan kehadiran vokal tersebut ditentukan oleh harmoni vokal. Harmoni vokal Satu perlakuan fonologi yang menunjukkan vokal-vokal berdekatan dalam satu medan (biasanya perkataan) berkongsi satu nilai yang sama bagi fitur atau fitur-fitur distingtif tertentu (Bakovic 2003). Harmoni vokal DK ialah satu perlakuan fonologi yang menunjukkan segmen-semen vokal berdekatan dalam satu perkataan berkongsi satu nilai yang sama bagi fitur [ $\pm ATR$ ] (Adi Yasran 2005).


Bagi DNS pula, kebanyakan pengkaji bahasa struktural memasukkan segmen vokal [ɛ] dan [ɔ] dalam inventori fonem vokal DNS namun dalam kajian ini, pengkaji juga bersetuju dengan daptan kajian Teoh (1994) dan Adi Yasran (2005) yang menganggap kedua-dua vokal tersebut adalah vokal terbitan dan bukan berstatus fonem bagi DK. Adi Yasran (2005) berpendapat fonem vokal dialek-dialek Melayu hendaklah sama dengan fonem vokal BM, kerana wujudnya saling memahami antara penutur dialek-dialek tersebut adalah disebabkan bentuk fonetik yang dihasilkan adalah direalisasikan daripada bentuk fonemik yang sama. Oleh sebab DNS juga adalah salah satu dialek Melayu maka fonem vokalnya juga haruslah selari dengan fonem vokal BM.

Seterusnya, sama seperti DK kehadiran segmen vokal [ɛ] dan [ɔ] dalam kata DNS adalah mudah diramal. Contoh segmen [ɛ] bagi DNS yang direalisasikan daripada /e/ ialah seperti (/koreh/ → [ko.reh] dan /boreh/ → [bo.reh]). Manakala segmen vokal [ɔ] pula direalisasikan daripada /o/ (misalnya, /botol/ → [bo.tɔ] dan /otot/ → [ɔ.tɔt]).

## SEGMENT VOKAL

Bunyi-bunyi vokal melibatkan udara agresif sahaja. Semasa menghasilkan bunyi-bunyi vokal, tiada sekatan dan penyempitan berlaku di antara titik artikulasi dengan artikulator. Inilah perbezaan utama vokal dan konsonan (Nor Hashimah 2007). Pengelasan vokal yang terbaik adalah berdasarkan vokal sistem kardinal yang dihasilkan oleh Daniel Jones (1956). Rajah vokal kardinal adalah seperti yang berikut :

### (6) Vokal Kardinal Daniel Jones (1956)



Menurut Nor Hashimah (2007) lagi, apabila menghasilkan bunyi-bunyi vokal, lidah dan bibir dianggap mempunyai peranan terpenting. Lelangit lembut terutamanya velum pula akan menentukan sama ada bunyi vokal itu oral atau bunyi sengau. Lidah boleh memberikan pelbagai bentuk dan rupa bagi menghasilkan bunyi-bunyi vokal yang berbeza. Lokasi dan kedudukan lidah berasaskan kepada dua paksi iaitu yang mendatar dan yang menegak. Ada empat bahagian paksi menegak seperti yang berikut :

- Bahagian sempit/ tinggi
- Bahagian separuh sempit/ tinggi
- Bahagian separuh luas/ rendah
- Bahagian luas/ rendah

Terdapatnya tiga titik mendatar pula iaitu kedudukan depan, tengah dan belakang lidah. Selain lidah, bibir juga berperanan dalam menghasilkan bunyi vokal. Bentuk bibir boleh dibahagi kepada bentuk bundar dan hampar. Kesimpulannya semua vokal adalah bersuara. Vokal depan DK dan DS terdiri daripada empat iaitu (a) vokal depan sempit /i/, (b) vokal depan separuh sempit /e/, (c) vokal depan separuh luas /ɛ/ dan (d) vokal depan luas /a/. Vokal belakang dialek Kelantan (DK) dan Negeri Sembilan

(DNS) terdiri daripada tiga iaitu (a) vokal belakang sempit /u/, (b) vokal belakang separuh sempit /o/ dan (c) vokal belakang separuh lapang /ɔ/ manakala Hanya ada satu vokal tengah bagi DK dan DNS iaitu (a) vokal /ə/.

Kajian ini hanya akan memfokuskan kepada vokal tengah /ə/ sahaja oleh sebab terdapatnya peranggahan pendapat antara pengkaji fonologi dengan fonologi generatif tentang kewujudannya dalam inventori vokal DK dan DNS. Kebanyakan pengkaji fonologi mendapati vokal tengah /ə/ ini tidak wujud dalam DNS namun pendapat ini bercanggahan dengan pengkaji bidang fonologi generatif yang menemui vokal tengah /ə/ masih wujud dalam bentuk dalaman DNS dan juga masih digunakan dalam perkataan berbentuk imbuhan.

### VOKAL TENGAH /ə/

Vokal tengah /ə/ dikeluarkan dengan mengangkat bahagian tengah lidah ke arah lelangit iaitu lebih kurang seperti kedudukan vokal separuh sempit. Hujung lidah pula diturunkan ke bawah dan bibir berkeadaan biasa. Pembukaan rahangnya pula adalah antara sederhana dan kecil. Di bandingkan dengan vokal lain, vokal tengah ini mempunyai kenyaringan dan seterusnya kelantangan yang rendah. Oleh itu, dalam pertuturan kadang-kadang vokal ini sukar didengar dan di dalam pertuturan yang cepat, ia mungkin hilang langsung kerana vokal ini bersifat lemah (Nik Safiah Karim 1988).

### VOKAL TENGAH /ə/ DALAM DIALEK KELANTAN (DK) DAN NEGERI SEMBILAN (DNS)

Kebanyakan pengkaji bahasa seperti Sharman Abu (1973), Pilus Yunus (1978), Yeop Johari Yaacob (1984), Arbak Othman (1994), Mohd Faiz Burhanuddin (1998) dan Ajid Che Kob (2002) berpendapat fonem /ə/ tidak terdapat dalam DNS. Pada pendapat Nik Safiah Karim (1988), jika dibandingkan dengan vokal lain, vokal tengah /ə/ ini mempunyai kenyaringan dan seterusnya kelantangan yang rendah. Oleh itu, dalam pertuturan kadang-kadang vokal ini sukar didengar dan di dalam pertuturan yang cepat, ia mungkin hilang langsung kerana vokal ini bersifat lemah.

Faktor utama pengguguran vokal /ə/ menurut kebanyakan pengkaji, penggunaan vokal tengah /ə/ dianggap tidak digunakan dalam DNS kerana /ə/ biasanya digantikan dengan vokal belakang separuh luas /ɔ/. Bagi DK, vokal /ə/ ini masih wujud di suku kata awal V dan KV. Vokal tengah /ə/ telah dianggap sejajar dengan vokal /ɔ/ dalam DNS ini seperti dalam contoh bagi perkataan berikut:

(7)

Suku kata awal V	Suku kata awal KV
/əmpat/ → [əm.pət]	/təŋah/ → [tə.ŋāh]
/ənam/ → [ə.nam]	/kəyəs/ → [kə.yəs]
/əmaʔ/ → [ə.maʔ]	/bəyəs/ → [bə.yəs]
/əŋgan/ → [əŋ.gan]	/gəyəm/ → [gə.yəm]
/əyəm/ → [ə.yəm]	/məyəʔ/ → [mə.yəʔ]

Selain itu, pengkaji juga mendakwa terdapat juga penghilangan vokal /ə/ dalam DK dan DNS oleh sebab proses peleburan vokal iaitu kerana faktor penyebaran dua vokal dengan satu puncak kelantangan. Contohnya adalah seperti dalam perkataan yang di bawah:

- (8) /səɛkor/ → [sɛ.kɔr]  
                  /səɛla/ → [sɛ.lɔ]

Tambahan lagi, faktor lain pengkaji berpendapat vokal /ə/ masih wujud dalam DNS adalah kerana vokal /ə/ juga masih wujud dalam menyebut dan menuturkan perkataan yang berimbuhan /be/, /ber/, /me/, /mem/, /men/, /pe/, /pem/, /pen/ dan /ter/. Wujud juga penghilangan vokal /ə/ dalam DK dan DNS disebabkan oleh faktor dalam pertuturan yang mana kadang-kadang vokal ini sukar didengar dan juga apabila dalam keadaan pertuturan yang cepat, ia mungkin hilang langsung kerana vokal ini bersifat lemah. Contohnya bagi kata berimbuhan yang berikut:

- (9) /bələyi/ → [bla.yi]  
                  /mənuleh/ → [mnu.leh]  
                  /pətani/ → [pta.ni]  
                  /təmakan/ → [tma.kan]

Seterusnya, walaupun [p] yang diikuti [m] dalam sonoriti (kenyaringan) menaik yang membenarkannya berada pada kedudukan tersebut, namun kedua-dua segmen bunyi ini bersifat

homogen, iaitu berkongsi daerah artikulasi yang sama iaitu dua bibir yang menyebabkan berlaku asimilasi. Apabila asimilasi berlaku [p] akan menerima fitur nasal daripada [m] yang menyebabkan kepanjangan konsonan [m] berlaku seperti yang terdapat dalam DK sekali gus menggugurkan bunyi [p] dan [ə]. Hal ini didapati tidak berlaku dalam DNS yang menunjukkan [ə] tidak digugurkan tetapi direalisasikan kepada [ɔ] seperti berikut:

(10)

DK	DNS
/pəmalu/ → [pma.lu]	/pəmalu/ → [pɔ.ma.lu]
/pəmalas/ → [pma.lah]	/pəmalas/ → [pɔ.ma.ləh]
/pəmarah/ → [pma.yah]	/pəmarah/ → [pɔ.ma.yah]
/pəmula/ → [pmu.lo]	/pəmula/ → [pɔ.mu.la]
/pəmasaq/ → [pma.se]	/pəmasaq/ → [pɔ.ma.saj]

Dalam kajian aliran fonologi, pengkaji mempunyai perbezaan pendapat dengan pengkaji struktural yang mengatakan vokal /ə/ tidak wujud dalam inventori vokal DNS. Pengkaji berpendapat bahawa dalam kajian fonologi vokal /ə/ juga wujud dalam DNS sama seperti DK oleh sebab vokal /ə/ dianggap masih wujud dalam bentuk dalaman sesuatu perkataan dalam dialek DNS. Pengkaji aliran struktural hanya melihat struktur luaran sahaja. Walau bagaimanapun, data pengguguran e pepet /ə/ didapati tidak memenuhi kepadaan pemerhatian.

Dapatkan bagi kajian ini menemui vokal /ə/ wujud dalam DNS sama seperti DK. Berikut adalah huraian pengkaji mengenai pendapat bahawa dalam kajian fonologi, vokal /ə/ juga wujud dalam DNS sama seperti DK oleh sebab vokal /ə/ dianggap masih wujud dalam bentuk dalaman sesuatu perkataan dalam dialek DNS.

(11)


BM	DK	DNS	ATR (DNS)
sesak	[sə.sʔ?]	[sɔ.saʔ?]	-ATR
sesat	[sə.saʔ?]	[sɔ.seʔ?]	-ATR
tolak	[tɔ.1ɔʔ?]	[tɔ.laʔ?]	-ATR
besar	[bə.sa]	[bɔ.sa]	-ATR
beras	[bə.yah]	[bɔ.yəh]	-ATR
sekolah	[sə.ko.loh]	[sə.kɔ.lah]	-ATR

(12)

DK		DNS	
Suku kata kedua	Akhir kata	Suku kata kedua	Akhir kata
ɔ	k	a	k
a	t	ɛ	t
a	r → ø	a	r → ø
a	s → h	ɛ	s → h
ɔ	h	a	h

Dalam DNS /ɔ/ boleh terhasil sama ada daripada /ə/ atau /o/. Contohnya bagi perkataan /sesat/ dan /tolak/. Dalam hal ini, vokal dalam kedua-dua suku kata didapati tidak harmoni, iaitu [+ATR] (/ə/ dan /o/) yang diikuti oleh [-ATR] iaitu /a/. Oleh itu, untuk memastikan ia menjadi harmoni maka fitur [+ATR] direalisasikan sebagai [-ATR] menjadi /ɔ/ iaitu [sɔ.seʔ?] dan [tɔ.laʔ?]. Jika diandaikan /ə/ tidak wujud dalam inventori fonem seperti pendapat kebanyakan pengkaji fonologi sebelum ini, maka fonem yang paling alamiah ialah /o/ dan merealisasikan bentuk dalaman untuk /sesat/ menjadi /səsat/.

(13)



Terdapatnya beberapa kriteria umum dalam menentukan representasi dalaman sesuatu perkataan dalam bidang fonologi. Dalam teori fonologi generatif (FG) terdapat sekurang-kurangnya lima kriteria yang perlu dijadikan landasan untuk menentukan bentuk dalaman iaitu kebolehramalan, kealamian, kesederhanaan, keselarasan pola dan kebolehsebaran. Bagi kajian untuk menentukan kewujudan vokal /ə/ dalam bentuk dalaman sesuatu perkataan dalam dialek DNS ini dan mempertikaikan pendapat kebanyakan pengkaji fonologi yang mengandaikan /ə/ tidak wujud dalam inventori fonem, kriteria kebolehramalan dan kealamian

boleh diguna pakai bagi membuktikan kewujudan vokal /ə/ dalam bentuk dalaman sesuatu perkataan dalam dialek DNS.

Kebolehramalan ialah rumus fonologi yang digunakan mampu membuat ramalan yang tepat secara fonologisnya tentang proses alternasi yang berlaku. Menurut Newton (1972), oleh sebab dialek-dialek itu terbit atau lahir daripada satu bahasa sumber yang sama, maka adalah munasabah menyatakan bahawa dialek-dialek tersebut mempunyai bentuk dalaman yang sama. Sama juga bagi DK dan DNS yang boleh diramalkan mempunyai bentuk dalaman yang sama dengan bahasa Melayu kerana kedua-dua dialek itu lahir daripada satu rumpun yang sama iaitu rumpun bahasa Melayu. Kelainan yang bersifat nalar (*regular*) dan sistematik yang wujud dalam dialek-dialek ini adalah hasil daripada proses-proses fonologi yang terlaksana ke atas bentuk dalaman ini. Justeru itu, berdasarkan kerangka teori dialektologi generatif, bahasa asal itu dapat dianggap sebagai representasi dalaman manakala dialek-dialek turunannya itu dianggap sebagai representasi permukaan (Zaharani, 1993:4). Oleh sebab itu, /ə/ masih wujud sebagai bentuk dalam bagi perkataan-perkataan dalam DNS walaupun telah mengalami proses yang lain kerana /ə/ masih boleh diramalkan mempunyai bentuk dalaman yang sama dengan bahasa Melayu kerana kedua-dua dialek itu lahir daripada satu rumpun yang sama iaitu rumpun bahasa Melayu.

Bentuk dalaman /ə/ masih wujud dalam DNS kerana /ə/ direalisasikan kepada /ə/ adalah boleh diramal. Bahasa induk jika dibandingkan dengan DK, /ə/ dalam bahasa induk itu kekal dalam DK tetapi /ə/ berubah dan direalisasikan kepada /ə/ di mana-mana dalam kata DNS seperti rumus berikut:

$$(14) \quad /ə/ \rightarrow /ə/_$$

Rumus (14) ini menepati kriteria kebolehramalan maka terbuktilah /ə/ adalah fonem dan ia wujud sebagai bentuk dalaman DNS.

Seterusnya, kealamian pula biasanya merujuk kepada kealamian fonetik yang bertujuan memudahkan artikulasi dan rumus yang alamiah adalah bersifat sangat. Menurut Zaharani, (1993:69), kriteria kedua yang sering dijadikan panduan untuk menetapkan bentuk dalaman ialah ciri kemunasabahan (*plausibility*) atau dikenali juga sebagai kealamian (*naturalness*). Rumus fonologi yang dikemukakan dalam menjelaskan satu alternasi itu haruslah bersifat alamiah dan munasabah. Rumus

yang alamiah biasanya mempunyai motivasi fonetik, iaitu merujuk kepada kealamian fonetik yang bertujuan untuk memudahkan artikulasi. Rumus yang alamiah sering berlaku dalam banyak bahasa manusia dan disimpulkan rumus yang alamiah adalah rumus yang bersifat sangat (*universal*).

Dalam kajian ini, didapati /ə/ masih wujud sebagai bentuk dalam bagi perkataan-perkataan dalam DNS kerana /ə/ direalisasikan kepada /ə/ adalah boleh diramal dan kedua-duanya mematuhi rumus harmoni vokal iaitu didapati kedua-duanya [-ATR] sekali gus ia menepati kriteria kealamian yang memudahkan artikulasi perkataan-perkataan. Merujuk Bakovic, (2003), harmoni vokal ialah satu perlakuan fonologi yang menunjukkan vokal-vokal berdekatan dalam satu medan (biasanya perkataan) berkongsi satu nilai yang sama bagi fitur atau fitur-fitur distinktif tertentu.

Dalam menentukan fitur dalaman bagi sesuatu fonem vokal, kaedah analisis berdasarkan harmoni vokal telah terbukti berkesan. Bagi tujuan tersebut, kaedah ini juga digunakan ke atas DK oleh Adi Yasran, (2005) terutamanya bagi menentukan fitur dalaman bagi vokal /i, e, o, u/ yang berfitur [+ATR] pada suku kata akhir tertutup. Bagi DNS, untuk mewujudkan harmoni vokal bagi kebanyakan perkataan /ə/ berubah dan direalisasikan kepada /ə/ di mana-mana dalam kata DNS namun /ə/ masih dianggap wujud dalam bentuk dalaman perkataan tersebut berdasarkan kriteria kebolehramalan dan kealamian.

#### (15) Data harmoni vokal DNS [-ATR]

	BM	DNS	ATR
[ɔ + a]	sesak	[sə.saʔ]	[-ATR]
	sekolah	[sə.kə.lah]	[-ATR]
	tolak	[tə.laʔ]	[-ATR]
	besar	[bə.sa]	[-ATR]
[ɔ + ε]	beras	[bə.yəh]	[-ATR]
	keras	[kə.yəh]	[-ATR]
	sesat	[sə.seʔ]	[-ATR]
	lemas	[lə.meh]	[-ATR]
[ɔ + ɔ]	bela	[bə.lə]	[-ATR]
	teka	[tə.kə]	[-ATR]
	kera	[kə.yə]	[-ATR]
	peta	[pə.tə]	[-ATR]

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, vokal /ə/ adalah fonem dan vokal pepet /ə/ ini wujud dalam dialek Kelantan (DK) dan dialek Negeri Sembilan (DNS). Walaupun kebanyakan ahli tatabahasa struktural berpendapat vokal /ə/ tidak wujud dalam DNS namun ahli fonologi generatif mempunyai pandangan yang berbeza dan berpendapat vokal /ə/ masih wujud dalam bentuk dalaman DNS kerana menepati kriteria kebolehramalan dan kealamiahinan dalam menentukan representasi dalaman.

Kajian ini penting bagi pelbagai pihak terutamanya kepada para pengguna bahasa di Malaysia yang terdiri daripada kaum yang berbeza serta berasal dari negeri yang pelbagai. Kajian ini dianggap penting kepada pengguna bahasa yang ingin menuturkan dialek Kelantan (DK) dan Negeri Sembilan (DNS) untuk tujuan tertentu seperti pembelajaran, pendidikan, komunikasi dan migrasi. Seterusnya, kajian akan datang diharapkan akan dapat menumpukan juga kepada aspek fonologi dialek-dialek lain yang kurang diterokai di Malaysia.

## RUJUKAN

- Abdul Hamid. 1994. *Sintaksis Dialek Kelantan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Adi Yasran Abdul Aziz. 2005. *Aspek Fonologi Dialek Kelantan: Satu Analisis Teori Optimaliti*. Universiti Putra Malaysia.
- Ajid Che Kob. 1977. *Dialek Geografi Pasir Mas Fonologi dan Leksikal*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- \_\_\_\_\_. 1985. *Dialek Geografi Pasir Mas, Monograf 3 Institut Bahasa Kesusastraan dan Kebudayaan Melayu*. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- \_\_\_\_\_. 2002. *Dialek Melayu Negeri Sembilan Beberapa Aspek Linguistik*. Padang: Yayasan Citra Budaya Indonesia.
- Arbak Othman. 1994. Fonologi Dialek Negeri Sembilan: Satu Teknik Pengesahan Kosa Kata untuk Leksigrafi Standard. Dlm. *Negeri Sembilan: Gemuk Dipupuk, Segar Bersiram*: *Adat Merentas Zaman*, disunting oleh A. Samad Idris, Norhalim H.j Ibrahim, Haji Muhammad Tainu & Dharmala N.S. Seremban: Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan.
- Asmah Omar. 1985. *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- \_\_\_\_\_. 1985. *An Introduction to Malay Grammar*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bakovic, E. 2003. *Vowel Harmony and Stem Identity*. <http://roa.rutgers.edu/view.php?roa=540> (24 Disember 2013)
- Casali, R.F. 1996. Resolving Hiatus. Disertasi Dr. Fal. University of California, Los Angeles. <http://roa.rutgers.edu/view.php?roa=215>. Tarikh capaian: 24 Disember 2013.
- Daniel Jones. 1956. *An Outline of English Phonetic*. New York: K.P Edition.
- Hashim Musa. 1974. *Morfemik Bahasa Melayu Kelantan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mohd Faiz Burhanuddin. 1998. Kajian dialek Negeri Sembilan. *Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia* 21(98):54-67.
- Newton, B. 1972. *The Generative Interpretation of Dialect: A Study of Modern Greek Phonology*. Cambridge : Cambridge University Pres.
- Nik Safiah Karim. 1965. *Loghat Melayu Kelantan : Suatu Cherakinan Kaji Bunyi Bahasa*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- \_\_\_\_\_. 1985. *Kelantan dalam Perspektif Sosio -Budaya: Satu Kumpulan Esei*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- \_\_\_\_\_. 1988. *Loghat Melayu Kelantan Suatu Cherakinan Kaji Bunyi Bahasa*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Nor Hashimah Jalaluddin. 2007. *Asas Fonetik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pilus Yunus. 1978. Dialek Negeri Sembilan dan Dialek Umum Melayu Suatu Perbandingan dari Sudut Fonologi. *Jurnal Dewan Bahasa*. (dalam talian)
- Sharman Abu. 1973. Satu Tinjauan Ringkas Tentang Bunyi-bunyi Vokal dalam Dialek Negeri Sembilan. *Jurnal Dewan Bahasa* 12: 559-566 (dalam talian).
- Teoh Boon Seong. 1994. *The Sound System Of Malay Revisited*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yeop Johari Yacob. 1984. *Analisis Fonem Bahasa Melayu Dialek Negeri Sembilan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaharani Ahmad. 2013. *Aspek Fonologi Bahasa Melayu daripada Derivasi Rumus kepada Tatatingkat Kekangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nurlayana Zainal Abidin & Adi Yasran Abdul Aziz  
 Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
 Universiti Putra Malaysia  
 43400 UPM, Serdang, Selangor, Malaysia.  
 E-mail: leayanazainal@gmail.com

Diserahkan: 12 Februari 2015  
 Diterima: 12 April 2016

